PEMBANGUNAN DIRI

Tingkatkan Produktiviti Diri dengan 5 Aplikasi Mudah Alih

Nur Fadhlina Zainal Abedin dan Najiha binti Omar

Aplikasi mudah alih adalah sebuah perisian aplikasi yang direka untuk digunakan di peranti mudah alih seperti telefon pintar dan komputer tablet. Pada masa kini, terdapat pelbagai jenis aplikasi mudah alih yang dibangunkan secara percuma mahupun berbayar untuk pengguna. Penggunaan aplikasi ini dapat membantu memudahkan urusan seharian kita. Contohnya aplikasi merekodkan aktiviti harian supaya lebih tersusun, panduan masa dan rakaman, meditasi dan meringankan tekanan.

Artikel ini menyenaraikan lima aplikasi mudah alih terpilih dalam meningkatkan produktivi diri. Aplikasi-aplikasi yang disenaraikan ini adalah boleh diakses samada menggunakan operasi Android mahupun iOS. Sebahagian aplikasi mudah alih ini juga boleh digunakan bersama komputer riba.

ThinkUp

Sekiranya anda ingin memupuk minda positif dan dalam masa yang sama ingin meningkatkan motivasi, ThinkUp adalah aplikasi mudah alih yang sesuai untuk dimuat naik ke dalam peranti anda. ThinkUp ialah aplikasi untuk berfikiran lebih positif yang membolehkan anda merekodkan percakapan dan membantu mengubah cara anda berfikir. Percakapan kendiri yang dipraktikkan secara positif dan berterusan membolehkankan anda beransur-ansur mengatasi pemikiran negatif dalam diri. Ini secara tidak langsung akan memperbaiki aspek-aspek lain dalam kehidupan anda.



Any.do

Dengan aplikasi Any.do, anda dapat jejaki tugas anda dan kemudian menyelesaikannya. Anda boleh menambahkan peringatan, nota dan fail yang boleh diakses kepada semua peranti. Ini bermakna anda boleh menguruskan senarai tugasan anda dari rumah atau ketika dalam perjalanan. Aplikasi ini ringkas dan mudah bagi yang baru ingin bermula membuat tugasan dengan Any.do.

SIMPLE HABIT

Simple Habit pula adalah sebuah aplikasi meditasi dibangunkan untuk orang yang sering kesibukan dengan tugas-tugas harian. Direka oleh pakar meditasi, aplikasi ini mengandungi pelbagai sumber meditasi dan motivasi. Pengguna boleh memilih daripada pelbagai situasi, perasaan dan masa dalam sehari untuk bermeditasi dengan pilihan yang diingini.

Pomofocus

Pomofocus ialah aplikasi yang boleh menetap masa mengikut kaedah Pomodoro. Ia boleh disesuaikan pada pelayar desktop & mudah alih. Matlamat aplikasi ini adalah untuk membantu anda menumpukan kepada sebarang tugas yang sedang anda kerjakan seperti belajar, menulis atau aktiviti-aktiviti lain. Teknik Pomodoro merupakan kaedah pengurusan masa yang dibangunkan oleh Francesco Cirillo. Ia menggunakan penetapan masa untuk memecahkan kerja kepada selang waktu, iaitu 25 minit aktiviti dan lima minit rehat.

Evernote

Evernote ialah aplikasi berasaskan buku nota yang membantu pengguna menyusun tugasan mereka dengan teratur. Ia adalah aplikasi merentas platform yang mempunyai pelbagai tujuan iaitu sebagai fail kabinet digital, alat mencatat nota, jurnal harian, sistem pengurusan tugas atau projek, menyimpan resipi dan banyak lagi. Aplikasi ini mempunyai begitu banyak kegunaan dan ciri yang berbeza yang boleh menarik perhatian pengguna.